

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10/12/2010

Najib kesal isu rasuah dipolitikkan

RH 10/12/2010

DARI MUKA 1

laysia MICCI).

“SPRM sebagai badan bebas, mengemukakan kepada Peguam Negara dan bagi pihak yang bebas juga Peguam Negara tentukan sama ada, ada kes atau tidak. Keputusan sudah dibuat Peguam Negara dan kita biarkan proses ditentukan mahkamah.

“Tidak timbul soal 'menyembunyikan' sesuatu kes kerana SPRM perlu memberikan penjelasan kepada Lembaga Penilaian Operasi bagi aduan yang tidak diambil tindakan,” katanya.

Perdana Menteri kesal kerana ada pihak suka melamparkan tuduhan atau gosip liar dan mempolitikkan isu rasuah sehingga merumitkan lagi persepsi terhadap usaha kerajaan memerangi jenayah itu.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani ikrar memerangi rasuah oleh masyarakat peniaga anjuran SPRM di sini, semalam, sempena Hari Pencegahan Rasuah Sedunia yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ikrar itu ditandatangani oleh wakil Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI), Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) serta Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa. Ma-

Kelmarin, Ketua Pembangkang yang juga penasihat Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan menyifatkan pendakwaan Dr Mohamad Khir sebagai gimik politik untuk menghadapi pilihan raya.

Anwar berkata, tindakan itu dicurigai dan hanya helah membuktikan kerajaan melakukan perubahan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Dr Mohammad Khir didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Isnin lalu, mendapatkan untuk dirinya dan juga isteri, Datin Seri Zahrah Kechik, 45, dengan balasan yang beliau ketahui tidak mencukupi, iaitu dua lot tanah dan sebuah rumah di alamat No 8 & 10, Jalan Suasa 7/1L, Shah Alam.

Ia diperoleh daripada Ditamas Sdn Bhd melalui pengarahnya, Datuk Shamsuddin Hayroni dengan harga RM3.5 juta, sedangkan hartanah itu dibeli oleh Ditamas pada 23 Disember 2004 pada harga RM6.5 juta, manakala Shamsuddin pula mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Sementara itu, Dr Mohamad Khir yang ditegur Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail kelmarin seperti dilaporkan *Berita Harian* berhubung kenyataannya di media dan laman blog, berkata beliau tidak akan mengeluarkan kenyataan termasuk komen berhubung pertuduhan yang dihadapinya.